

(FOTO SUPIAN AHMAD/DBH)

Info

Kanser

- **Vaksinasi Human Papillomavirus (HPV)** berupaya mencegah serangan kanser rahim
- **Statistik Majlis Kanser Negara** tempoh lima tahun sehingga 2011
- **Jumlah** penghidap pesakit kanser servik 6,350
- **Dianggarkan** sejumlah 635 pesakit meninggal setiap tahun
- **Pengambilan** vaksin pada usia kanak-kanak perempuan seawal 13 tahun
- **Vaksin** boleh kurangkan risiko serangan kanser pangkal rahim sehingga 97 peratus
- **Pengisian program kesedaran** anjuran Jabatan Obstetrik dan Ginekologi HCTM
- **Ujian** pemeriksaan kesihatan
- **Forum** serangan kanser
- **Senaman** aerobik, zumba
- **Persembahan** artis Heliza Helmi



Dr Nor Akma (tiga dari kiri) bersama Dr Zaleha (tengah), Ketua Jabatan Obstetrik dan Ginekologi, Profesor Dr Mohd Hashim (dua dari kanan) serta Dr Mohamad Nasir melepaskan merpati pada Program Kesedaran Kanser di Kuala Lumpur, semalam.

PROGRAM KESEDARAN KANSER

Peka perubahan diri, jalani pemeriksaan awal

➔ Manfaat kemudahan, teknologi perubatan terkini untuk rawatan sempurna

Oleh Rosdan Mazalan
rosdan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Orang ramai, terutama wanita perlu lebih peka mengenai kesihatan diri bagi memastikan mereka benar-benar sihat untuk menguruskan rumah tangga yang juga nadi institusi keluarga. Mereka lebih mengenali perubahan badan dan menyedari jika ada yang tidak kena, masing-masing perlu jalani pemeriksaan segera. Perunding Obstetrik dan Ginekologi Pasat Perubatan Pakar Hospital Canselor Tuanku Mukhriz

(HCTM), Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Dr Mohamad Nasir Shafiee, berkata pihaknya mengharapkan semua individu tanpa rasa takut menjalani pemeriksaan segera.

Beliau berkata, pemeriksaan awal penting bagi membolehkan pakar mengenal pasti masalah terutama dalam kalangan wanita yang lazimnya dikaitkan dengan serangan kanser payudara dan pangkal rahim.

"Pemeriksaan awal ini membolehkan pakar memberi rawatan sebaik sahaja disahkan diserang penyakit bahaya dan harapan untuk sembuh lebih cerah," katanya.

Beliau yang juga pakar onkologi berkata demikian ketika ditemui pada Program Kesedaran Kanser, berlangsung di Taman Ulu Pudu, di sini, semalam.

Program sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa itu dihadiri Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Datin Dr Nor Akma Shabudin dan Dekan Fakulti Perubatan HCTM, Prof Dr Zaleha Abdullah Mahdy.

Dr Mohamad Nasir berkata, laporan awal mendapati ramai wanita lewat menjalani pemeriksaan hingga sukar mendapatkan rawa-

tan terbaik hinggalah peluang untuk mereka sembuh tipis.

Katanya, teknologi perubatan di semua hospital kerajaan menawarkan perkhidmatan rawatan terkini. Mereka perlu memanfaatkan kemudahan untuk rawatan sempurna.

Perkhidmatan rundingan

"Sebagai sebuah negara membangun, pakar sentiasa menjalankan penyelidikan dalam usaha memberikan khidmat rawatan lebih selesa kepada masyarakat.

"Pakar juga menyediakan khidmat rundingan lain, termasuk panduan amalan hidup sihat dan pengambilan sajian makanan seimbang," katanya.

Mengulas tindakan pesakit mengambil keputusan mendapatkan rawatan alternatif, Dr Mohamad Nasir berkata, kanser adalah serangan kompleks kerana setiap individu mempunyai genetik dan sel badan berbeza.

Berdasarkan perbezaan itu, beliau berkata setiap rawatan yang disyorkan pakar bersesuaian dengan sistem tubuh mereka dan prosedur sedemikian tidak ada dalam amalan perubatan tradisional.

"Pesakit perlu menjalani rawatan susulan bagi membolehkan pa-



Dr Mohamad Nasir Shafiee

Pemeriksaan awal ini membolehkan pakar memberi rawatan sebaik sahaja disahkan diserang penyakit bahaya dan harapan untuk sembuh lebih cerah"

Dr Mohamad Nasir Shafiee,
Perunding Obstetrik dan Ginekologi HCTM Universiti Kebangsaan Malaysia

kar memantau perkembangan dan memastikan mereka sembuh sepenuhnya," kata beliau.

Program kesedaran dipertingkatkan dari semasa ke semasa menerusi pelbagai kempen kerana ada kes di mana pesakit langsung tidak menyedari mereka diserang. Sehingga pemeriksaan mengesahkan tahap serangan sudah serius dan merebak ke anggota badan yang lain.

Bantu tingkat kesedaran

Walaupun keadaan sudah terlambat, sebagai pengamal perubatan mereka yakin setiap penyakit ada ubatnya dan peluang sembuh cerah.

Kini banyak agensi bukan kerajaan turut membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya penjagaan kesihatan secara menyeluruh membolehkan pesakit kanser. Aktiviti lain, termasuk sesi kaunseling, radah, ceramah kesihatan.

Aktiviti menyuntik semangat pesakit meneruskan hidup walaupun mereka berhadapan cabaran diserang penyakit bahaya. Program sedemikian juga sebahagian daripada proses pemulihan dan terapi kepada mereka untuk yakin pada diri melawan penyakit.